

SPR UMT & UNISZA Berjaya Anjur KIARA 2013

Oleh : Zatul Yahaya & Laila Bayan

KUALA TERENGGANU, 29 April 2013 – Sebagai bukti komitmen golongan mahasiswa terhadap usaha pencegahan rasuah, Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) telah berjaya menganjurkan Konvensyen Integriti Anti Rasuah (KIARA) 2013.

Timbalan Naib Canselor UMT, Professor Dr. Anuar Hassan berkata pendedahan mahasiswa hari ini kepada kepentingan dan isu semasa jenayah rasuah adalah amat penting.

Katanya dengan pendedahan awal diperangkat universiti yang turut dijayakan dengan komitmen mahasiswa yang menjadi penggerak kepada SPR.

"Pada pendapat saya konvensyen ini telah mencapai matlamat sepertimana yang telah dirancang dan ianya patut diteruskan sebagai pendedahan berterusan kepada mahasiswa.

"Ini kerana dengan adanya pendedahan awal, ia dapat memberi panduan kepada mahasiswa yang akan memasuki dunia pekerjaan selepas mereka tamat belajar.

"Dengan pendedahan awal begini, mereka sudah mendapat pengetahuan bahawa rasuah adalah jenayah serius dan mereka tidak boleh terlibat dalam kesalahan ini," katanya ketika ditemui selepas majlis penutupan konvensyen tersebut.

Konvensyen selama dua hari ini telah disertai oleh pelajar yang menganggotai SPR dari 14 Institut Pengajian Tinggi dari seluruh Malaysia dan diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPM, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil ketika merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen KIARA 2013 turut memuji inisiatif SPR UMT yang telah berjaya menganjurkan konvensyen ini buat kali kedua.

Katanya program sebegini merupakan satu inisiatif yang amat relevan dan wajar dilaksanakan kerana melalui pendekatan ini ia dapat membentuk individu yang bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

"Selain berjaya menghimpun ahli-ahli SPR dari IPT dari seluruh negara, secara tidak langsung mahasiswa juga dapat berkongsi pendapat dan cadangan dalam membentuk strategi yang berkesan untuk menyampaikan mesej anti rasuah.

"Kita melihat pembangunan sahsiah dan nilai moral merupakan elemen penting yang perlu dititikberatkan dan pembentukan mahasiswa yang kurang cakna kepada salah laku rasuah akan menyebabkan perlakuan rasuah terjadi tanpa disedari," katanya ketika berucap merasmikan penutupan konvensyen tersebut.

Pengarah Projek konvensyen kali ini, Mohd Naziffudin Sidin berkata penganjuran ini mengetengahkan isu persepsi dan kepekaan mahasiswa terhadap isu rasuah.

Katanya isu rasuah ini kurang difahami oleh masyarakat dan mahasiswa perlu tahu akan perkara ini kerana golongan ini akan membentuk sektor pekerjaan dan kepimpinan masyarakat pada masa akan datang.